15 Patuhi Peraturan Jalan Raya

Mendengar dan Bertutur

Fahami Lampu Isyarat

Baca dan nyatakan maklumat di bawah.

Lampu isyarat ialah sistem yang digunakan untuk melancarkan pergerakan lalu lintas dan **lintasan pejalan kaki**. Tujuannya adalah untuk memudahkan pengguna jalan raya. Lampu isyarat disesuaikan dengan **kod warna** yang sama di seluruh dunia.

Sistem pengawasan lampu lalu lintas seperti ini pertama kali diperkenalkan di daerah **Westminster**, **England** pada **10 Disember 1868**. Lampu isyarat ini menggunakan **lampu gas** dan perlu **dikendalikan** secara **manual**.

Susunan lampu isyarat ini terdiri daripada tiga warna, iaitu merah, kuning dan hijau. Namun begitu, lampu merah mempunyai warna jingga di dalamnya. Lampu hijau pula mempunyai warna biru. Keadaan ini untuk membantu orang yang **buta warna** mengenali warna merah dan hijau.

(Diubah suai daripada: *Utusan Malaysia Online, 27 Februari 2014.*)



Lampu merah – berhenti.

Lampu kuning – bersedia untuk berhenti.

Lampu hijau – meneruskan perjalanan.

Aktiviti

Nyatakan kepentingan lampu isyarat kepada pengguna jalan raya.

LIVEWORKSHEETS